




SULTANAH NUR ZAHIRAH (kanan) menyampaikan Anugerah Pelajaran Diraja kepada Ju Ariana Ibrahim dalam Majlis Konvokesyen Universiti Sultan Zainal Abidin Ke- 7 di Kuala Nerus, Terengganu, semalam. - MINGGUAN/SHAFUDIN MOHD NOR

Unisza antara pilihan pertama pelajar

KUALA NERUS 17 Okt. - Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) yang dalam proses transformasi bagi mencorak pembudayaan universiti cemerlang kini berada dalam kalangan kelompok institusi pengajian tinggi awam yang menjadi pilihan pertama paling popular.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim memberitahu, Unisza berada di tangga ke-9 daripada 20 universiti di negara ini dalam aspek itu dengan keyakinan yang ditunjukkan oleh pelajar dan masyarakat dalam tempoh yang agak singkat.

"Di samping itu, peningkatan bilangan pelajar pascasiswazah turut meningkat dengan mendadak, daripada 147 pelajar pada tahun 2012 kepada lebih 900 orang pada tahun ini dan terbaharu seramai 47 pelajar PhD. dari Aceh telah mendaftar," ujarnya.

Sambil menyifatkan Unisza bukan lagi 'jaguh kampung', beliau memberitahu, institusi itu telah diberi penarafan dua bintang oleh agensi penarafan dunia iaitu QS World University Rankings dengan lima bintang bagi instrumen akademik dan kemudahan.

Unisza turut berkembang dengan menawarkan pelbagai program

baharu yang berdaya saing dan terbaharu katanya, sebanyak 46 program pengajian telah berjaya memperoleh kelulusan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Konvokesyen Unisza kali ketujuh yang disempurnakan pembukaannya oleh Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah di Stadium Tertutup, di sini hari ini. Berangkat sama, Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin.

Lebih 2,000 graduan termasuk 33 pelajar dari Kono State, Nigeria turut menerima pengiktirafan masing-masing termasuk pada peringkat diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam istiadat selama dua hari itu.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian, Ju Ariana Ibrahim, 24, dan Loh Sook Fun, 24, yang cemerlang dalam kepimpinan, kokurikulum dan akademik, sekali gus mengharumkan nama Unisza, dipilih sebagai penerima Anugerah Pelajaran Diraja.

Dua orang tokoh juga menerima anugerah Ijazah Kehormat Unisza dalam istiadat pembukaan itu termasuk Bupati Aceh Barat, Teuku

Alaidinsyah di samping Pengerusi Spektrum Education Group, Tan Sri Prof. Emeritus Dr. Mohamed Salleh Mohamed Yasin.

Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi yang dipilih sebagai penerima Ijazah Kehormat Doktor Peradaban Islam tidak dapat hadir, dan penganugerahan ditunda pada tahun depan.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita selepas Majlis Santapan Malam sempena Konvokesyen Unisza malam tadi, beliau memberitahu, Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin yang diwujudkan Oktober tahun lalu dijangka dapat mengumpul dana RM2 juta pada tahun ini melalui sumbangan pelbagai pihak terutamanya sektor korporat.

Sehingga kini katanya, dana terkumpul mencecah hampir RM1 juta hasil keprihatinan Bank Islam Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Yayasan Takwa dan Bank Rakyat.

Naib Canselor Unisza, Prof Datuk Dr. Yahaya Ibrahim, berkata tugas itu dipantau Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (Inspire) yang diketuai penyandang Kursi, Datuk Wira Dr. Ismail Ibrahim.